

15 NOV 1998

APEC-BERITA-IRAQ

TERUSKAN RUNDINGAN, KATA PM MENGENAI MASALAH IRAQ

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rundingan perlu diteruskan mengenai isu-isu berhubung dengan Iraq.

"Kita perlu teruskan rundingan," katanya apabila diminta untuk mengulas mengenai masalah itu.

Dr Mahathir berkata sekira AS terus mahukan orang-orang yang sebenarnya berat sebelah sebelum lagi mereka sampai ke Iraq untuk memeriksa negara itu, laporan (yang mereka buat) itu mungkin tidak tepat sepenuhnya.

"Mengapa tidak benarkan orang lain membuat pemeriksaan itu, Yang sebenarnya apabila mereka (Iraq) membenarkan beberapa wakil PBB untuk membuat pemeriksaan, mereka dapati tidak ada apa-apa," katanya pada satu sidang berita selepas merasmikan sidang kemuncak Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di sini hari ini.

"Apa yang saya lihat ialah satu kes saling bertindak yang mana apapun dilakukan oleh Iraq US tidak akan setuju dengannya dan apapun yang dilakukan oleh AS Iraq tidak akan bersetuju, oleh itu kita sampai kepada pangkal di mana tidak akan ada penyelesaian kepada masalah itu," katanya.

AS telah meletakkan tentera dalam keadaan bersedia secara besar-besaran di Teluk walaupun Iraq menawarkan untuk mebenarkan pemeriksaan senjata PBB menyambung tugas mereka memastikan Baghdad memusnahkan senjata-senjata merbahayanya.

Hari ini, diumumkan di sini hawa Presiden Bill Clinton tidak akan hadir pada sidang kemuncak Apec pada 17 dan 18 Nov ini.

Beliau akan digantikan oleh Naib Presiden Al Gore.

Menteri Luar Kanada Lloyd Axworthy memberitahu pemberita perkara ini dalam waktu sampingan pada hari kedua mesyuarat peringkat menteri Apec.

Clinton membatalkan kehadirannya itu kerana perlu memberi tumpuan kepada masalah dengan Iraq.

-- BERNAMA

AFY FR WAT